

## PENGARUH KECERDASAN HOLISTIK TERHADAP KEMENJADIAN PELAJAR TINGKATAN ENAM DI SABAH

Mohd Nasir Rayung<sup>1</sup>,  
Abdul Said Ambotang<sup>1</sup>  
Mohd Yusof Abdullah<sup>2</sup>  
Universiti Malaysia Sabah<sup>1</sup>  
Kolej Universiti Islam Melaka<sup>2</sup>

### Abstrak

Kajian deskriptif ini bertujuan untuk menentukan pengaruh tahap kecerdasan holistik melalui dimensi kecerdasan intelek (IQ), kecerdasan fizikal (PQ), kecerdasan emosi (EQ) dan kecerdasan Rohani (SQ) terhadap kemenjadian pelajar (SO) di sekolah tingkatan enam di negeri Sabah. Penilaian dibuat ke atas pelajar tingkatan enam sebagai subjek kajian berdasarkan jantina, aliran kelas, kaum dan kategori sekolah. Sampel kajian terdiri daripada 418 orang pelajar dari lima belas buah sekolah yang dipilih secara rawak menggunakan kaedah pensampelan rawak berperingkat. Instrumen kajian mengandungi 84 item dalam bentuk soal selidik tertutup yang diubah suai daripada instrumen *4IR-Intelligence Instrument*, *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM)*, *California Critical Disposition Inventory-test (CCDI)*, *Ethical Reasoning Tool (ERT)*. Data kajian dianalisis menggunakan 'Statistical Packages for Social Sciences' (SPSS) dan Analisis *Structural Equation Modelling (SEM)*. Dapatan kajian menunjukkan variabel IQ, PQ, EQ dan SQ mempunyai hubungan yang signifikan secara positif dengan variabel bersandar SO. Dapatan juga menunjukkan IQ, PQ, EQ dan SQ merupakan peramal yang baik kepada kemenjadian pelajar (SO). Kesemua dapatan ini diuji pada aras kepercayaan  $p < 0.05$ . Berdasarkan dapatan, penyelidikan ini mencadangkan agar penguasaan kecerdasan holistik dalam pelajar dapat ditingkatkan dalam menjamin kemenjadian pelajar selaras dengan keperluan negara pada masa hadapan.

**Kata kunci:** Kecerdasan holistik, kecerdasan intelek, kecerdasan fizikal, kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani, kemenjadian pelajar.

## THE INFLUENCE OF HOLISTIC INTELLIGENCE ON EXCELLENCY OF FORM SIX STUDENTS IN SABAH

### Abstract

*This descriptive study aims to determine the influence of holistic intelligence (HQ) through intellectual intelligence (IQ), physical intelligence (PQ), emotional intelligence (EQ) and spiritual intelligence (SQ) on student outcome (SO). Assessment was made to Form Six students as a subjects based on gender, course, race and school category. Samples of the study consisted of 418 students from fifteen schools randomly selected using a randomized sampling method. This research instrument contains 84 items modified from the 4IR-Intelligence Instrument, Standard Quality of Malaysia Education (SKPM), California Critical Disposition Inventory-test (CCDI), and Ethical Reasoning Tool (ERT). The data were analyzed using Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) and Structural Equation Modeling Analysis (SEM). The findings showed that IQ, PQ, EQ and SQ variables have positively correlated with SO variables. Findings also indicate that IQ, PQ, EQ and SQ was good predictors for student outcome (SO). All these findings tested at the confidence level of  $p < 0.05$ . This study suggested that student*

*holistic intelligence can be enhanced to ensure the student identity in line with the need of the nation in the future.*

**Keywords:** *holistic intelligence, intellectual intelligence, physical intelligence, emotional intelligence, spiritual intelligence, student outcome.*

## **PENDAHULUAN**

Manusia merupakan makhluk ciptaan Ilahi yang memiliki sistem semula jadi luar biasa yang mana manusia memiliki ciri intelek, fizikal dan emosi yang berbeza (Robinson dan Clinken, 2008). Perbezaan ciri ini membentuk kepelbagaian daripada segi pengetahuan, kemahiran, pemikiran, tingkah laku, pencapaian, etika, kerohanian dan hubungan antara manusia. Perbezaan ini membawa kepada masalah untuk memahami kepelbagaian tersebut. Justeru, bagi memahami perbezaan ini dimensi psikologi, kecerdasan, kreativiti dan motivasi menjadi asas kepada pemahaman perbezaan tersebut. Disebabkan hal ini, ramai penyelidik cuba mencari penyelesaian mengikut dimensi tersebut. Bermula dari abad kesembilan belas, ramai penyelidik cuba mencari kepastian tentang ciri kebolehan manusia yang berbeza (Robinson dan Clinken, 2008). Individu yang mempunyai wawasan dan kreativiti yang tinggi cenderung untuk melibatkan diri menyelesaikan masalah dalam situasi mencabar dan kompleks (Rosado, Peiffer dan Petscher, 2008). Dari sudut lain, perbezaan individu boleh diterjemahkan dalam konsep yang dinamakan sebagai “kemenjadian”. Setiap individu terutamanya generasi muda mempunyai potensi tidak terbatas untuk dikembangkan (Covey, 2007). Menurut Monks dan Wagner (2002) generasi muda perlu mengembangkan bakat peribadi untuk memenuhi potensi dan mencari kebahagiaan dalam kehidupan masing-masing. Selaras dengan itu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dirangka untuk melahirkan insan yang harmoni dan seimbang daripada segi intelek, jasmani, emosi dan rohani (KP, 2012). Empat dimensi kecerdasan ini dijadikan asas pengukuran pencapaian pelajar dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pencapaian adalah isu yang merujuk kepada pelbagai dimensi pertumbuhan pelajar daripada segi fizikal, sosial, kognitif, emosi dan rohani. Dimensi kecerdasan ini menjadi salah satu faktor penting dalam menentukan pencapaian pelajar yang diukur dengan ujian kecerdasan (Assain dan Safar, 2011). Dalam erti kata lain, penilaian pencapaian pelajar perlu dilihat dari sudut yang luas. Secara umum, kemenjadian pelajar dilihat sebagai cerminan masa depan dalam perkembangan negara. Cabaran kehidupan dan teknologi masa kini perlu dilihat sebagai asas kepada pembentukan keberhasilan pelajar dalam sistem pendidikan khususnya pelajar tingkatan enam.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Hasil penelitian, kajian ini mendapati kecerdasan holistik berpotensi menjadi variabel yang boleh memberi kesan yang besar terhadap kemenjadian pelajar. Dalam konteks kajian ini, empat dimensi kecerdasan holistik yang dijangka mempengaruhi kemenjadian pelajar merangkumi dimensi kecerdasan intelek (IQ), kecerdasan fizikal (PQ), kecerdasan emosi (EQ) dan kecerdasan rohani (SQ) selaras dengan FPK. Oleh yang demikian, kajian ini dirangka untuk mencari bukti empirikal pengaruh empat dimensi kecerdasan holistik terhadap kemenjadian pelajar melibatkan populasi pelajar tingkatan enam di negeri Sabah. Tumpuan diberikan kepada pelajar tingkatan enam kerana pelajar ini telah melalui tiga peringkat pendidikan formal. Pemilihan subjek kajian ini juga selaras dengan perubahan dilaksanakan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) yang telah memperkenalkan sistem penaksiran baharu peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada tahun 2012 sebagai salah satu transformasi sistem pendidikan tingkatan enam (MPM, 2012). Dalam konteks kajian ini, kemenjadian pelajar tingkatan enam dilihat sebagai satu pencapaian dari dalam elemen pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran kepimpinan, kemahiran dwibahasa, keterampilan etika dan kerohanian serta ketinggian identiti nasional pelajar yang disandarkan kepada perkembangan kecerdasan holistik pelajar (KPM, 2012). Beberapa orang ahli psikologi pendidikan mengatakan kecerdasan adalah kualiti yang membawa kepada pencapaian dan dianggap sebagai keberhasilan pendidikan (Nazel, 2004). Hal ini bermaksud penguasaan kecerdasan holistik merupakan asas kepada kemenjadian pelajar dan keberhasilan pendidikan.

## **PENYATAAN MASALAH**

Terlalu banyak persoalan yang timbul berkaitan penilaian kemenjadian pelajar dan keberhasilan pendidikan. Penilaian pendidikan di negara hari ini lebih menumpukan kepada pencapaian akademik pelajar dengan mengabaikan perkembangan lain (Haslina dan Abdul Razaq, 2016). Hal ini terbukti apabila negara dibebani dengan isu kemahiran berfikir yang rendah, keruntuhan akhlak remaja, masalah berkaitan kesihatan, kemahiran insaniah, isu perpaduan dan banyak lagi isu berkaitan yang seharusnya diterapkan dalam sistem pendidikan (Azizi, Jaafar, Shahrin dan Yusof, 2006). Kesemua isu di atas sebenarnya berpunca daripada kurangnya penekanan kepada perkembangan kecerdasan intelek, fizikal, emosi dan rohani pelajar secara seimbang. Disebabkan itu, kajian ini akan mengenal pasti keperluan untuk menilai penguasaan kecerdasan intelek, fizikal, emosi dan rohani selepas pelajar melalui peringkat pendidikan menengah. Isu pengukuran kemenjadian pelajar tingkatan enam merupakan isu hangat dibincangkan tetapi kurang pembuktian dari sudut empirikal. Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu mendapati tiada sebarang kajian dalam negara yang pernah dijalankan untuk mengukur kemenjadian pelajar tingkatan enam khususnya penguasaan pelajar dalam aspek bukan akademik. Isu ini menjadi punca utama bagi mencari bukti empirikal berkaitan kemenjadian pelajar khususnya terhadap subjek kajian.

Kajian oleh Suppiah, Hari, Velayudhan, Anis dan Fatimah (2013) mendapati terdapat hubungan yang kuat antara kecerdasan intelek, kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani terhadap pembentukan kemahiran insaniah pelajar. Dapatan sama dilaporkan oleh Abdullah (2008) dan Che Su, Nuredayu dan Munif (2005) yang mengatakan bahawa tahap kecerdasan intelek, kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani yang tinggi akan membentuk kemahiran insaniah pelajar selaras dengan keperluan negara. Menurut Suppiah *et al.* (2013), punca yang dikenal pasti menyebabkan pelajar lulusan sekolah dilihat gagal memimpin diri masing-masing ke arah keputusan hidup yang lebih baik ialah tidak dapat menguasai kemahiran pelbagai. Menurut Mareatta, Agnes dan Andras (2014) pula, tidak kesemua pelajar hari ini lemah dalam aspek teknikal atau kefahaman sains, matematik dan fizik, sebaliknya pelajar lemah dalam kemahiran insaniah yang menyebabkan penguasaan aspek teknikal tidak dapat digunakan dengan efektif. Bagi Mohd Salleh *et al.*, (2010), beliau mendapati kebanyakan institusi pendidikan gagal menyediakan kemahiran yang diperlukan seperti kemahiran interpersonal, kemahiran menulis dan berkomunikasi. Tinjauan umum yang dijalankan oleh *Merdeka Centre* pada Disember 2004 dalam KPM (2012) terhadap 850 orang responden mendapati 68% India, 58% Cina dan 50% Melayu berpendapat pendidikan yang diterima tidak cukup mempersiapkan diri menghadapi cabaran hidup dan kerja pada masa kini. Dapatan ini menunjukkan kelemahan sistem pendidikan negara yang hanya terarah kepada kecemerlangan akademik pelajar sahaja. Masalah ini harus segera diatasi selaras dengan keperluan negara menjelang wawasan 2020. Daripada peringkat awal, pelajar harus didedahkan dengan kecerdasan holistik untuk hidup dan bersaing dalam dunia serba mencabar pada hari ini. Kesemua isu yang ditimbulkan ini memaksa atau mendorong kajian ini diteruskan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini berusaha mencari bukti empirikal untuk menentukan pengaruh faktor kecerdasan holistik yang merangkumi dimensi kecerdasan intelek, fizikal, emosi dan rohani terhadap kemenjadian pelajar tingkatan enam di negeri Sabah. Secara khusus kajian ini dilaksanakan untuk mengukur objektif utama kajian seperti berikut.

- 1) Menentukan hubungan faktor kecerdasan intelek, kecerdasan fizikal, kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani terhadap kemenjadian pelajar.
- 2) Menenal pasti pengaruh langsung faktor kecerdasan intelek, kecerdasan fizikal, kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani terhadap kemenjadian pelajar.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Teori kecerdasan holistik sebenarnya telah dikemukakan lebih seribu tahun dahulu. Ahli psikologi pada zaman kegemilangan Islam telah mula menulis dan membahaskan aspek psikologi manusia.

Secara umum teori kecerdasan holistik telah dibincangkan oleh Al-Ghazali (1058-1111). Perbincangan mengenai aspek psikologi seperti al-ruh (semangat), al-qalb (hati), al-nafs (jiwa) dan al-aql (akal) merupakan gambaran kepada kecerdasan holistik manusia daripada pandangan Islam (Al-Ghazali, 1976, 1980, 1988, 1998, 2003, 2004, 2005 dan 2012). Namun teori kecerdasan ini hanya mendapat perhatian dalam penulisan saintifik beberapa dekad yang lalu. Rentetan daripada itu, beberapa pemikir terkemuka dalam bidang kepimpinan dan pengurusan seperti Wilber (2000), Boyatzis dan McKee (2006), Loehr dan Schwartz (2003) dan Covey (2013) telah menulis dan menghuraikan tentang keperluan integrasi antara keupayaan fizikal, minda, emosi dan rohani. Kebanyakan daripada tokoh ini membicarakan konsep kecerdasan dalam konteks pengurusan organisasi. Tokoh ini melihat kepentingan antara keempat-empat unsur kecerdasan yang perlu diintegrasikan bagi mencapai kegemilangan dalam organisasi atau kehidupan manusia.


Berdasarkan penelitian menyeluruh yang dilaksanakan dalam penyelidikan ini terhadap kajian lepas, tahap kecerdasan holistik mempunyai hubungan dan pengaruh terhadap kemenjadian seseorang. Dalam kajian yang dibuat oleh Tikollah dan Ludigdo (2006) terhadap mahasiswa perakaunan di Indonesia mendapati terdapat pengaruh yang signifikan antara kecerdasan intelek, kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani terhadap kemenjadian mahasiswa daripada aspek kemenjadian etika. Dapatan yang sama dilaporkan Trihandini (2005), yang membuat kesimpulan bahawa kecerdasan intelek, kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani secara bersama-sama atau berasingan mempengaruhi pencapaian pelajar secara signifikan. Bagi Amir Mahmud (2006), kajiannya membuktikan bahawa variabel kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani mempengaruhi tahap pencapaian seseorang pelajar dari sudut motivasi. Dapatan hampir sama dilaporkan Fathul Huda (2007) dalam menilai pengaruh kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani terhadap prestasi. Dapatan kajian tersebut menunjukkan kecerdasan emosi dan rohani secara bersama atau berasingan mempengaruhi prestasi secara signifikan. Dalam kajian Sunia (2007), beliau menemukan adanya hubungan yang signifikan kecerdasan rohani dengan prestasi akademik pelajar.

Dalam pada itu, kajian yang dibuat oleh Ardana *et al.*, (2013) mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara kecerdasan intelek, fizikal, emosi dan rohani terhadap prestasi pelajar jurusan perakaunan. Walau bagaimanapun hanya variabel kecerdasan intelek sahaja yang menunjukkan pengaruh terhadap prestasi pelajar. Nilai korelasi koefisien ( $r$ ) kecerdasan intelek dengan prestasi pelajar hanya 0.22 pada aras keertian 0.042. Manakala, variabel kecerdasan fizikal, kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani menunjukkan hubungan yang sangat lemah dan tidak signifikan. Dapatan kajian tersebut menyokong kajian yang dibuat oleh Rohde dan Thompson (2009) yang melaporkan hasil dapatan yang sama. Dapatan berbeza dilaporkan oleh Parker dan James (2005), mendapati terdapat pengaruh yang tinggi ditunjukkan oleh tahap kecerdasan emosi dan kecerdasan fizikal terhadap prestasi pelajar. Dapatan ini juga melaporkan bahawa kecerdasan fizikal merupakan peramal yang tepat bagi menggambarkan prestasi pelajar. Dapatan sama turut dilaporkan Dwyer *et al.*, (2001) yang mengatakan bahawa kecerdasan fizikal mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan prestasi pelajar.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Asih dan Fatchan (2015) terhadap 187 orang pelajar perakaunan mendapati kecerdasan intelek, emosi, rohani dan sosial mempengaruhi prestasi pelajar perakaunan secara signifikan. Kombinasi empat variabel ini boleh meramal prestasi pelajar perakaunan sebanyak 46.61 pada aras keertian 0.01. Dapatan kajian yang dibincangkan di atas sememangnya sinonim dengan kajian yang dijalankan. Justeru, penyelidikan ini berpendapat bahawa keperluan mengintegrasikan empat dimensi kecerdasan holistik ini sememangnya perlu diambil perhatian yang serius. Penelitian ini disokong dengan teori dan model integrasi kecerdasan atau kecerdasan holistik yang diperkenalkan oleh beberapa orang tokoh pemikir dalam bidang psikologi kecerdasan. Hal ini kerana terdapat keperluan untuk keseimbangan holistik antara realiti fizikal (badan), realiti intelektual (minda), emosi atau sosial (hati) dan keperluan rohani (jiwa) (Covey, 2007).

## **KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN**

Berdasarkan keperluan kajian untuk menilai hubungan dan pengaruh langsung empat dimensi kecerdasan holistik terhadap kemenjadian pelajar telah menghasilkan kerangka konsep kajian seperti dalam rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

## HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis nol seperti berikut.

- Ho<sub>1</sub> Tidak terdapat pengaruh langsung variabel kecerdasan intelek terhadap kemenjadian pelajar
- Ho<sub>2</sub> Tidak terdapat pengaruh langsung variabel kecerdasan fizikal terhadap kemenjadian pelajar
- Ho<sub>3</sub> Tidak terdapat pengaruh langsung variabel kecerdasan emosi terhadap kemenjadian pelajar
- Ho<sub>4</sub> Tidak terdapat pengaruh langsung variabel kecerdasan rohani terhadap kemenjadian pelajar

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan mengikut reka bentuk konvensional menggunakan pendekatan kuantitatif yang dilaksanakan melalui tinjauan berdasarkan soal selidik. Sampel kajian melibatkan 418 orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian tingkatan enam dari lima belas buah sekolah di negeri Sabah yang terdiri daripada 115 orang pelajar lelaki dan 303 orang pelajar perempuan. Pemilihan sampel kajian dibuat menggunakan teknik pensampelan rawak berperingkat. Soal selidik yang digunakan mengandungi enam bahagian. Bahagian A mengandungi empat soalan berkaitan maklumat demografi responden secara umum merangkumi maklumat jantina, aliran kelas, kaum dan lokasi sekolah. Bahagian B, C, D dan E mengandungi item soalan mengukur kecerdasan intelek, kecerdasan fizikal, kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani yang diubahsuai daripada instrumen *4IR-Intelligence Instrument* (Oosthuizen, 2006). Manakala Bahagian F mengandungi item soalan mengukur kemenjadian pelajar yang diubahsuai daripada *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) KPM* (2010), "*California Critical Disposition Inventory-test*" (CCDI) Facione et al., (1996) dan *Ethical Reasoning Tool (ERT)* McAlpine, Kristjanson dan Porocho (1997). Setiap soalan diikuti dengan lima pilihan jawapan mengikut skala Likert 5 mata iaitu 1 (Sangat tidak setuju), 2 (Tidak setuju), 3 (Kurang setuju), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat setuju). Responden kajian diminta untuk memberikan respons mengikut skala bersesuaian dalam soal selidik. Hanya soal selidik yang lengkap dipilih untuk dianalisis. Analisis data kajian dibuat menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* untuk membuat analisis data deskriptif dalam bentuk peratusan, nilai min dan sisihan piawai. Di samping itu penyelidikan ini juga menggunakan kaedah analisis *Structural Equation Modeling (SEM)* untuk memastikan model yang dibangunkan konsisten dengan data dan menganggarkan pengaruh variabel bebas terhadap variabel bersandar kajian.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menerangkan hasil analisis dapatan kajian yang melibatkan analisis deskriptif menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* untuk menilai data demografi responden dan analisis inferens. Manakala analisis *Structure Equation Modelling (SEM)* digunakan untuk menilai kesimpulan kajian.

## Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut aliran, kaum dan kategori sekolah responden. Daripada 418 orang responden seramai 48 orang (11.5 %) responden mengikut aliran sains. Manakala 370 orang (88.5 %) responden mengikut aliran kemanusiaan. Data menunjukkan jumlah responden yang mengikut pengajian dalam aliran kemanusiaan lebih ramai daripada bilangan responden yang mengikut aliran sains. Daripada 48 orang responden yang mengikut aliran sains 17 orang (4.1 %) merupakan pelajar lelaki dan 31 orang (7.4 %) merupakan pelajar perempuan. Manakala daripada 370 orang responden yang mengikut aliran kemanusiaan, seramai 98 orang (23.4 %) adalah pelajar lelaki dan 272 orang (65.1%) adalah pelajar perempuan. Secara keseluruhan, data menunjukkan bilangan pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki dalam kedua-dua aliran yang diikuti pelajar. Analisis data demografi responden mengikut kategori kaum menunjukkan 321 orang responden terdiri daripada kaum bumiputera Sabah dan Sarawak. Jumlah ini mewakili 74.6 peratus daripada jumlah responden. Daripada jumlah tersebut 83 orang (19.9 %) responden terdiri daripada pelajar lelaki dan 229 orang (54.8 %) responden merupakan pelajar perempuan. Analisis data juga menunjukkan seramai 43 orang (10.3 %) responden adalah Melayu. Daripada jumlah itu, seramai 10 orang (2.4 %) responden adalah pelajar lelaki dan selebihnya 33 orang (7.9 %) responden merupakan pelajar perempuan.

**Jadual 1: Bilangan dan Peratus Responden Kajian Mengikut Aliran, Kaum dan Kategori Sekolah**

Kategori	Jenis	Lelaki		Perempuan		Jumlah	Peratus (%)
		Bil.	%	Bil.	%		
Aliran	Sains	17	4.1%	31	7.4%	48	11.5%
	Kemanusiaan	98	23.4%	272	65.1%	370	88.5%
	Jumlah	115	-	303	-	418	100%
Kaum	Melayu	10	2.4%	33	7.9%	43	10.3%
	Cina	12	2.9%	22	5.3%	34	8.1%
	India	3	0.7%	3	0.7%	6	1.4%
	Bumiputera Sabah/Sarawak	83	19.9%	229	54.8%	312	74.6%
	Lain-lain	7	1.7%	16	3.8%	23	5.5%
	Jumlah	115	-	303	-	418	100%
Kategori Sekolah	Bandar	46	11%	84	20.1%	130	31.1%
	Luar Bandar	41	9.8%	151	36.1%	192	54.9%
	Pedalaman	28	6.7%	68	16.3%	96	23.0%
	Jumlah	115	-	303	-	418	100%

Analisis juga menunjukkan, seramai 34 orang (8.1%) responden adalah kaum Cina. Daripada jumlah itu 12 orang (2.9%) responden merupakan lelaki dan 22 orang (5.3%) responden adalah pelajar perempuan. Sementara itu hanya 6 orang (1.4%) responden adalah kaum India. Daripada jumlah itu 3 orang responden lelaki dan 3 orang responden perempuan yang mewakili 0.7 peratus daripada jumlah responden masing-masing. Lain-lain kaum mewakili 23 orang (5.5%) daripada jumlah responden. Daripada jumlah itu 7 orang (1.7%) responden adalah lelaki dan 16 orang (3.8%) responden adalah pelajar perempuan.

## Analisis Structure Equation Modelling (SEM)

*Structure Equation Modelling* (SEM) merupakan analisis berstruktur bagi menguji dan membangunkan model yang bersesuaian dengan kajian. Terdapat dua langkah pendekatan SEM yang digunakan dalam kajian ini iaitu dengan membuat analisis model pengukuran yang digunakan untuk mengesahkan kebolehpercayaan dan kesahihan instrumen sebelum memeriksa hubungan struktur

antara variabel menggunakan model struktur. Analisis dibuat menggunakan kaedah *Maximum Likelihood* untuk membuat anggaran kerana kaedah ini dapat menyelesaikan masalah parameter dengan konsisten untuk pelbagai jenis keadaan.

### Analisis Model Pengukuran

Model Pengukuran digunakan untuk membuat penilaian terhadap kebolehpercayaan, kesahan *Convergent* dan kesahan *discriminant* item soal selidik kajian. Pengujian model pengukuran telah dibuat sebelum menjalankan analisis model struktur kajian.

### Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan

Analisis kesahan dan kebolehpercayaan adalah asas kepada keteguhan sesuatu data kajian. Justeru, kajian ini akan membuat analisis dengan melihat kepada nilai *Standardized Loading* untuk setiap item yang diterima dalam analisis SEM. Di samping itu kajian ini juga akan membuat penilaian terhadap nilai *Alpha Cronbach* dan nilai *Composite Reliability (CR)* untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Jadual 2 menunjukkan analisis kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan. Nilai *Standardized Loading* setiap item berada pada julat antara 0.613 hingga 0.853 (>0.5 untuk analisis EFA). Di samping itu nilai *Alpha Cronbach* berada dalam julat 0.713 hingga 0.785 menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Analisis *Composite Reliability (CR)* pula digunakan untuk menilai kesahan setiap variabel kajian. Analisis data menunjukkan nilai *CR* model pengukuran berada pada julat 0.750 hingga 0.828 bagi setiap variabel kajian melebihi nilai *CR* yang boleh dicadangkan ( $CR > 0.700$ ). Nilai ini menunjukkan setiap variabel kajian mempunyai nilai kesahan variabel yang boleh diterima. Berdasarkan data analisis, penyelidikan ini membuat kesimpulan bahawa semua variabel kajian mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 2: Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Variabel	Item	Standardized Loading	Alpha Cronbach	Composite Reliability (CR)	Average Variance Extracted (AVE)
<b>Kecerdasan Intelek (IQ)</b>			0.71	0.75	0.50
	Membuat pertimbangan	0.765			
	Tindakan berdasarkan pengalaman	0.613			
	Menilai sebelum mengambil tindakan	0.740			
<b>Kecerdasan Fizikal (PQ)</b>			0.79	0.83	0.62
	Memperuntukkan masa bersenam	0.708			
	Bersenam secara konsisten	0.831			
	Teknik senaman	0.815			
<b>Kecerdasan Emosi (EQ)</b>			0.75	0.79	0.56
	Tidak mudah patah semangat	0.647			
	Mencabar diri	0.750			
	Merealisasikan matlamat	0.838			
<b>Kecerdasan Rohani (SQ)</b>			0.76	0.80	0.58
	Manfaat kepada orang lain	0.734			
	Ilham kepada orang lain	0.853			
	Contoh kepada orang lain	0.681			
<b>Kemenjadian Pelajar (SO)</b>			0.72	0.76	0.52
	Mengubah keadaan kepada lebih baik	0.661			
	Menilai kewajaran tindakan	0.795			
	Membuat pertimbangan logik	0.695			

### Analisis Kesahan *Convergent*

Analisis kesahan *Convergent* dinilai berdasarkan kepada nilai *Average Variance Extracted* (AVE) setiap variabel kajian. Analisis AVE yang disarankan untuk setiap variabel mestilah mempunyai nilai lebih besar daripada 0.50 (Hair *et al.*, 2010). Dapatan analisis AVE setiap variabel kajian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2 menunjukkan nilai AVE = 0.502 hingga 0.618 (AVE > 0.50). Nilai AVE (IQ= 0.502, PQ= 0.618, EQ= 0.561, SQ= 0.576 dan SO= 0.517) membuktikan bahawa semua variabel kajian mempunyai kesahan *Convergent* yang baik (Hair *et al.*, 2010).

### Analisis Kesahan *Discriminant*

Penilaian terhadap kesahan *discriminant* telah dilakukan dengan membandingkan nilai *Average Standard Variance's* (ASV) dan *Maximum Standard Variance's* (MSV) dengan nilai AVE. Analisis menunjukkan nilai ASV dan MSV setiap variabel kajian adalah lebih rendah daripada nilai AVE variabel tersebut (Hair *et al.*, 2010). Oleh yang demikian terdapat bukti yang kukuh untuk mengatakan bahawa setiap variabel kajian adalah berbeza antara satu sama lain.

**Jadual 3: Analisis Korelasi Antara Variabel Kajian**

	1	2	3	4	5
<b>1. Intelek (IQ)</b>	<b>0.71</b>				
<b>2. Fizikal (PQ)</b>	0.191 <sup>a</sup>	<b>0.79</b>			
<b>3. Emosi (EQ)</b>	0.467 <sup>a</sup>	0.345 <sup>a</sup>	<b>0.75</b>		
<b>4. Rohani (SQ)</b>	0.252 <sup>a</sup>	0.367 <sup>a</sup>	0.505 <sup>a</sup>	<b>0.76</b>	
<b>5. Kemenjadian (SO)</b>	0.453 <sup>a</sup>	0.327 <sup>a</sup>	0.556 <sup>a</sup>	0.492 <sup>a</sup>	<b>0.72</b>
<b>Min</b>	3.902	3.110	4.009	3.546	3.919
<b>Skewness</b>	-0.665	-0.145	-0.801	-0.356	-0.504
<b>Kurtosis</b>	0.386	-0.32	1.155	0.325	0.732

<sup>a</sup> Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Diagonal elements in **bold** show the square root of AVE.

Jadual 3 juga menunjukkan analisis korelasi *Pearson r* untuk menentukan hubungan setiap variabel kajian. Analisis menunjukkan bahawa semua variabel bebas EQ, PQ, IQ dan SQ mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan variabel bersandar SO pada aras kepercayaan  $P < 0.01$  (Hair *et al.*, 2010). Nilai korelasi berada pada julat antara 0.191 hingga 0.608. Berdasarkan analisis, variabel bebas EQ menunjukkan hubungan yang paling kuat dengan variabel bersandar SO ( $r = 0.556$ ,  $p < 0.01$ ) diikuti variabel bebas SQ ( $r = 0.492$ ,  $p < 0.01$ ), IQ ( $r = 0.453$ ,  $p < 0.01$ ) dan PQ ( $r = 0.327$ ,  $p < 0.01$ ).

### Analisis Model Struktur

Analisis lintasan dibuat untuk mengukur penyesuaian model (*model fit*) bagi model struktur yang dibangunkan dalam kajian ini. Analisis ini juga digunakan untuk melihat hubungan variabel pendam, menguji kesan langsung dan tidak langsung serta jumlah kesan antara variabel *eksogen* dengan variabel *endogen* yang dikaji.

**Jadual 4: Pengukuran Penyesuaian Model (*Goodness-of-Fit*) N=418**

		<i>df</i>	<i>P</i>	CFI	GFI	NFI	RMSEA	PNFI	PCFI	
<b>Nilai Cadangan</b>	N/A	N/A	<3.0	<0.05	>0.9	>0.9	>0.9	<0.08	>0.5	>0.5
<b>Nilai Model</b>	154.71	80	1.934	0.00	0.964	0.953	0.929	0.047	0.708	0.734




Analisis jadual 4 menunjukkan keputusan pengujian model struktur yang dibangunkan. Data menunjukkan bahawa model struktur yang dibangunkan mempunyai nilai  $\chi^2 = 154.71$ ,  $df = 80$  dan nilai  $p = 1.934$  ( $p < 0.05$ ). Analisis indeks *Comparative fit index (CFI)*, *goodness of fit index (GFI)*, and *normed fit index (NFI)* menunjukkan nilai lebih besar daripada 0.90 dan nilai indeks *root mean square error of approximation (RMSEA)* di bawah 0.08 menunjukkan model struktur yang dibangunkan mempunyai nilai *fit* yang memuaskan (Hair *et al.*, 2010).

**Jadual 5: Analisis Hubungan Langsung Variabel Peramal dengan Variabel Bersandar Kajian**

				Estimate	S.E.	C.R.	P
$H_{o1}$	Intelek (IQ)	.	Kemenjadian (SO)	.239**	.064	3.374	0.00
$H_{o2}$	Fizikal (PQ)	.	Kemenjadian (SO)	.089	.035	1.488	.137
$H_{o3}$	Emosi(EQ)	.	Kemenjadian (SO)	.285**	.062	3.324	0.00
$H_{o4}$	Rohani (SQ)	.	Kemenjadian (SO)	.255**	.048	3.515	0.00

\*\* Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual 5 menunjukkan analisis kekuatan hubungan langsung antara variabel bebas dengan variabel bersandar berdasarkan model struktur yang dibangunkan. Dapatan menunjukkan bahawa variabel bebas PQ tidak memberi pengaruh kepada variabel bersandar SO ( $\beta = 0.089$ ,  $p > 0.05$ ). Walau bagaimanapun, tiga variabel bebas lain menunjukkan hubungan langsung yang signifikan kepada SO. Variabel EQ adalah penentu yang paling penting kepada SO ( $\beta = 0.285$ ,  $p > 0.05$ ) diikuti oleh variabel SQ ( $\beta = 0.255$ ,  $p > 0.05$ ) dan IQ ( $\beta = 0.239$ ,  $p > 0.05$ ).



**Rajah 2: Keputusan Analisis Model Struktur Kajian**

Rajah 2 menunjukkan analisis model struktur yang dibina menepati syarat *model fit* berdasarkan data empirikal kajian. Analisis menunjukkan bahawa semua variabel bebas kajian IQ, PQ, EQ dan SQ menyumbang 42.20 peratus kepada jumlah varian dalam kemenjadian pelajar SO ( $=0.422$ ,  $p < 0.05$ ). Berdasarkan analisis ini hipotesis nol  $H_{o1}$ ,  $H_{o3}$  dan  $H_{o4}$  kajian ditolak. Terdapat bukti yang mencukupi untuk membuat kesimpulan bahawa model kajian yang dicadangkan mempunyai persamaan dengan *model fit* yang diuji berdasarkan data empirikal kajian.

## PERBINCANGAN

Asas kajian ini dibina untuk menentukan kekuatan hubungan dan pengaruh langsung kecerdasan holistik melalui empat dimensi kecerdasan IQ, PQ, EQ dan SQ terhadap variabel kemenjadian pelajar tingkatan enam di negeri Sabah. Secara teori, kajian ini melihat kesemua empat elemen kecerdasan

holistik sememangnya berpotensi untuk mempengaruhi tahap kemenjadian pelajar dalam pelbagai aspek penilaian khususnya dalam aspek penilaian yang bukan bersifat akademik. Hasil analisis dapatan kajian menunjukkan kecerdasan holistik merupakan peramal yang signifikan kepada variabel kemenjadian pelajar berdasarkan data empirikal kajian. Kesemua empat variabel yang terkandung dalam dimensi kecerdasan holistik menyumbang kepada pencapaian dalam kemenjadian pelajar. Nilai sumbangan pengaruh kesemua empat variabel kecerdasan holistik menunjukkan kadar pengaruh melebihi empat puluh peratus kepada pembentukan kemenjadian pelajar. Analisis maklum balas responden terhadap keempat-empat variabel bebas mendapati bahawa variabel kecerdasan rohani menyumbang pengaruh yang paling tinggi kepada kemenjadian pelajar diikuti variabel kecerdasan emosi, kecerdasan intelek. Manakala variabel kecerdasan fizikal merupakan variabel yang menyumbang pengaruh paling rendah dan tidak signifikan terhadap variabel kemenjadian pelajar.

Secara umum kajian ini berjaya mencapai objektif yang disasarkan serta membuktikan empat hipotesis kajian secara empirikal. Analisis data kajian menunjukkan kesemua variabel bebas dan variabel bersandar mempunyai hubungan yang signifikan secara positif pada tahap sederhana hingga tinggi. Data kajian juga menunjukkan variabel IQ, EQ dan SQ merupakan peramal yang signifikan kepada kemenjadian pelajar pada tahap sederhana. Berdasarkan dapatan analisis ujian  $H_0$ , menunjukkan bahawa variabel IQ merupakan peramal yang signifikan kepada kemenjadian pelajar. Data empirikal kajian ini menunjukkan variabel IQ menyumbang 24 peratus kepada variabel kemenjadian pelajar. Dapatan ini menyokong dapatan yang dilaporkan oleh Ardana *et al.*, (2013), Deksa (2016), Tinwarul (2012), Rohde dan Thompson (2009) yang menunjukkan dapatan yang hampir serupa. Kesemua penyelidik melaporkan bahawa kecerdasan intelek menyumbang lebih 20 peratus terhadap prestasi pelajar. Dapatan sama dilaporkan oleh Rachamawati (2013) yang mendapati bahawa kecerdasan intelek pelajar menyumbang kepada pencapaian pelajar. Namun penelitian tersebut mendapati kecerdasan intelek hanya memberi sumbangan yang kecil terhadap prestasi pelajar. Seterusnya, kajian Kumari *et al.*, (2017) pula mendapati bahawa tahap kecerdasan intelek yang tinggi akan membentuk kebolehan pelajar menangani pelbagai kemungkinan dalam hidup.

Dapatan tersebut secara tidak langsung merujuk kepada kemenjadian pelajar dalam menempuh kehidupan masa hadapan. Selaras dengan itu, dapatan kajian oleh Shahin *et al.*, (2013) juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan intelek dengan kepuasan hidup. Hal ini kerana seseorang yang memiliki tingkat kecerdasan intelek tinggi mampu menangani pelbagai isu persekitaran dengan konsisten (Covey, 2007). Hasil kajian terdahulu tentang kecerdasan manusia menunjukkan kepentingan penguasaan dimensi kecerdasan tersebut terhadap kehidupan manusia (Che Su *et al.*, 2005). Secara keseluruhan, pengaruh tingkat kecerdasan intelek terhadap prestasi, kemahiran insaniah mahupun kemenjadian pelajar tidak lagi dapat disangkal. Sumbangan dan pengaruh variabel ini merupakan asas kepada penguasaan dimensi kecerdasan lain yang ada dalam diri manusia. Hal ini kerana elemen pembelajaran, kemahiran dan keupayaan imaginasi yang terkandung dalam dimensi kecerdasan intelek (Covey, 2007) akan sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman. Justeru, penguasaan kecerdasan intelek dalam diri pelajar harus diberi perhatian oleh golongan ibu bapa, guru dan masyarakat agar generasi yang kita lahirkan mempunyai tingkat kecerdasan intelek yang tinggi.

Walau bagaimanapun, kejayaan seseorang dalam kehidupan bukan hanya disumbangkan oleh tingkat penguasaan IQ sahaja. Goleman (1995) mengesahkan bahawa tingkat IQ yang tinggi perlu diimbangi dengan penguasaan EQ yang tinggi. Hal ini kerana kegagalan mengimbangi IQ dan EQ menjadi punca peningkatan gejala sosial (Sohaimi, 2004). Dalam konteks kajian ini, dapatan analisis  $H_0$ , menunjukkan bahawa kecerdasan emosi merupakan dimensi yang menyumbang pengaruh paling tinggi kepada kemenjadian pelajar. Analisis data empirikal kajian berjaya membuktikan bahawa EQ merupakan antara peramal yang baik untuk menentukan tahap kemenjadian pelajar khususnya subjek kajian. Bukti empirikal kajian ini menyokong dapatan kajian terdahulu yang dilaporkan oleh Imtiaz *et al.*, (2016) dan Chong *et al.*, (2016) yang mendapati wujud pengaruh yang signifikan EQ dalam meramal prestasi seseorang. Dapatan lebih khusus dilaporkan Sukriadi *et al.*, (2015) yang melihat wujud pengaruh positif yang signifikan EQ terhadap tingkat pengetahuan seseorang. Dapatan tersebut juga menyokong kajian Salovey dan Mayer (1990) yang melaporkan bahawa tahap emosi yang tinggi menyumbang kepada peningkatan daya imaginasi dan personaliti diri seseorang yang seterusnya meletakkan seseorang lebih tinggi daripada pandangan masyarakat. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Ardana *et al.*, (2013) yang melaporkan bahawa kecerdasan emosi tidak mempengaruhi prestasi yang ditunjukkan pelajar.

Secara umum penguasaan dalam IQ dan EQ sudah memadai untuk melahirkan pelajar yang berjaya. Namun, dapatan kajian oleh Agustian (2005) menunjukkan hubungan negatif antara kedua-dua dimensi kecerdasan tersebut. Dalam erti kata lain semakin tinggi tahap IQ maka semakin rendah tahap EQ pelajar (Agustian, 2005). Keadaan ini mendorong pelbagai penyelidikan untuk menyelesaikan masalah tersebut sehingga Zohar dan Marshall (2000) membuat penemuan ilmiah berkaitan SQ buat pertama kalinya. Dalam konteks penyelidikan ini, dimensi SQ dilihat sebagai landasan untuk menyatukan fungsi IQ dan EQ secara efektif (Che Su *et al.*, 2005). Analisis ujian *Ho4* menunjukkan bahawa SQ juga menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap kemenjadian pelajar. Dapatan analisis data empirikal ini membuktikan bahawa SQ merupakan peramal yang baik terhadap kemenjadian pelajar. Berdasarkan data tersebut SQ dilihat sebagai faktor penyumbang kedua tinggi dalam meramal kemenjadian pelajar. Dapatan ini membuktikan bahawa dimensi SQ pelajar perlu ditingkatkan secara holistik bersama dimensi kecerdasan yang lain. Penemuan kajian ini menyokong dapatan kajian yang dilaporkan oleh Naveen dan Srivastava (2017) dan Tinwarul (2014) mendapati tingkat SQ sangat mempengaruhi prestasi yang ditunjukkan pelajar. Kebanyakan penyelidikan menemukan bukti yang menunjukkan pengaruh SQ secara langsung kepada kemenjadian pelajar atau terhadap elemen kemenjadian pelajar. Dari sudut keagamaan, Agustian (2005) mengatakan SQ berkemampuan memberi makna ibadah terhadap setiap perilaku dan kegiatan melalui langkah-langkah dan pemikiran yang bersifat fitrah untuk mencari keredaan Ilahi. Selaras dengan itu, Ghazali *et al.*, (2017) mendapati bahawa tahap SQ yang tinggi akan membentuk perkembangan diri pelajar. Miller dan Carl (2003) pula melaporkan kepentingan penguasaan SQ dalam aspek keagamaan dan kesihatan. Dalam kajian tersebut, mereka ini mendapati bahawa penguasaan SQ yang tinggi menyumbang kepada tingkat kesihatan yang baik dari sudut keagamaan. Jika diteliti dengan lebih mendalam, dapatan tersebut mempunyai perkaitan dengan tahap PQ manusia.

Hal ini selaras dengan dimensi kecerdasan holistik yang diuji dalam kajian ini. Konsep PQ sebenarnya telah mula dibincangkan oleh Al-Ghazali (1058-1111). Tumpuan perbincangan lebih kepada kefahaman terhadap amalan dan kebiasaan yang membawa kepada pembentukan kesihatan fizikal manusia. Konsep ini secara langsung berkaitan dengan kebiasaan atau amalan dalam pemakanan, senaman dan pengurusan stres (Covey, 2013). Walau bagaimanapun, analisis ujian *Ho2* mendapati PQ tidak memberi pengaruh langsung yang signifikan kepada variabel kemenjadian pelajar. Nilai pengaruh yang ditunjukkan adalah rendah berbanding sumbangan pengaruh tiga dimensi kecerdasan holistik lainnya. Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian yang dilaporkan oleh Rosli *et al.*, (2011) dan Suppiah *et al.*, (2013) yang mendapati tahap PQ memberi pengaruh yang signifikan terhadap prestasi pelajar. walau bagaimanapun dimensi PQ merupakan dimensi kecerdasan yang perlu diberikan perhatian dalam mengembangkan potensi pelajar secara menyeluruh (Covey, 2007). Hal ini kerana perkembangan fizikal pelajar bermula dengan kefahaman tentang nilai PQ yang tinggi. Matlamat pembentukan fizikal pelajar adalah selaras dengan falsafah pelaksanaan aktiviti kurikulum dalam Sistem Pendidikan Negara (KPM, 2012).

Secara keseluruhan dapatan kajian menyokong teori dan model yang diketengahkan oleh Covey (2007), Cowan (2010), Wiggles (2004) dan Suppiah *et al.*, (2013) yang dijadikan asas terhadap penyelidikan ini. Di samping itu, kajian ini juga menunjukkan persamaan dengan teori kecerdasan manusia Al-Ghazali (1058-1111) merangkumi dimensi *al-aql* (akal), *al-nafs* (jiwa), *al-qalb* (hati) dan *al-ruh* (semangat) dalam melahirkan insan syumul sejajar ajaran Islam yang sebenar. Justeru, perkembangan dimensi kecerdasan intelek, kecerdasan fizikal, kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani secara seimbang perlu dilihat sebagai keutamaan dalam meningkatkan potensi pelajar secara menyeluruh.

## PENUTUP

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini mempamerkan sokongan terhadap teori pembelajaran seperti teori kognitif (Piaget, 1963), teori penemuan (Bruner, 1966), teori hierarki keperluan (Maslow, 1943), *Person Centered Therapy* (Roger, 1959) dan teori pembelajaran sosial (Bandura, 1977) untuk disesuaikan dengan model empat dimensi kecerdasan manusia (Covey, 2013), model interaksi kecerdasan (Cowan, 1995), model komunikasi kecerdasan (Wiggles, 2004) dan model kecerdasan SHV (Suppiah *et al.*, 2013). Di samping itu, kajian ini juga telah membuat penelitian terhadap karya-

karya Al-Ghazali (1058-1111) untuk diselaraskan dengan teori dan model kajian agar selaras dengan matlamat akhir kajian ini. Dalam masa yang sama kajian ini berjaya mengurangkan sedikit jurang perbezaan konsep kecerdasan rohani antara Islam dan Barat melalui pembentukan model kecerdasan rohani yang lebih bersifat universal. Sesungguhnya, dapatan kajian ini menunjukkan wujudnya hubungan dan pengaruh yang kuat antara tahap kecerdasan holistik yang terdiri daripada elemen IQ, EQ dan SQ terhadap kemenjadian pelajar. Oleh sebab itu, kerangka model kajian yang dibina menjadi sangat penting dalam menentukan kemenjadian pelajar dari segenap aspek yang diuji dalam kajian ini. Secara khusus penemuan ini menjelaskan dimensi kecerdasan intelek, kecerdasan fizikal, kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani begitu penting untuk diberikan perhatian dalam meningkatkan kemenjadian pelajar terutamanya dalam aspek kemanusiaan.

## **Bibliografi**

- Agustian, A. G. (2005). *Emotional and Spiritual Quotient: The Islamic Guide to Developing ESQ: Applying The ESQ way* 165. Amir Mahmud. 2006. *Analisis Pengaruh Kecerdasan Emosional, Kecerdasan Spiritual dan Penilaian Kinerja terhadap Motivasi Kerja Anggota Tentara Nasional Indonesia Angkatan Laut pada Satuan Kerja*. <http://elibrary.mb.ipb.ac.id>
- Al-Ghazali, Imam Abu Hamid Muhaammed Muhammad. 2008. *Ringkasan Ihya'Ulumuddin*. Akbar Media.
- Al-Ghazali, Imam Abu Hamid Muhaammed Muhammad. 1976. *Kimya'us Saadah (Kimia Kebahagiaan)*. Terj. Abdul Majid Khatib. Pustaka Aman Press Sdn: Bhd. Kota Baharu, Kelantan.
- Al-Ghazali, Imam Abu Hamid Muhaammed Muhammad. 1988. *Ihya Ulumuddin*. Terj. H. Ismail Yakub. Victory Agensi: Kuala Lumpur.
- Al-Ghazali, Imam Abu Hamid Muhaammed Muhammad. 2003. *Mizan Al-Amal*. Terj. Sulaiman Al-Kumayi. Mutiara Persada: Semarang.
- Al-Ghazali, Imam Abu Hamid Muhaammed Muhammad. 2005. *Akhlak Seorang Muslim*. Terj. Victory Agensi: Kuala Lumpur.
- Al-Ghazali, Imam Abu Hamid Muhaammed Muhammad. 2012. *Mukashafah al-Qulub. Penenang Jiwa (Pengubatan dan Rawatan)*. Terj. Muhamad Qadirun Nur. Thimker's Library Sdn. Bhd.: Selangor.
- Amir Mahmud. 2006. *Analisis Pengaruh Kecerdasan Emosional, Kecerdasan Spiritual dan Penilaian Kinerja terhadap Motivasi Kerja Anggota Tentara Nasional Indonesia Angkatan Laut pada Satuan Kerja*. <http://elibrary.mb.ipb.ac.id>
- Ardana Cenik, Lerbin Aritonang dan Elizabeth Sugiarto Dermawan. 2013. Kecerdasan Intelektual, Kecerdasan Emosional, Kecerdasan Spiritual dan Kesehatan Fisik untuk Memprediksi Prestasi Belajar Mahasiswa Akuntansi. *Jurnal Akuntansi*. Vol. XVII(3): 444-458
- Asih M. and Fatchan A. 2015. *Pengaruh Kecerdasan Intelektual, Kecerdasan Emosional, Kecerdasan Spiritual, Dan Kecerdasan Sosial Terhadap Pemahaman Akuntansi: Studi Kasus Mahasiswa Program Studi Akuntansi Angkatan Tahun 2011 Di Universitas Sebelas Maret Dan Universitas Muhammadiyah Surakarta*. Doctoral Dissertation. Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Assain F. A. and Safar H. M. 2011. *Penerapan Kemahiran Insaniah di Sekolah Menengah Teknik: Satu Analisis Perbandingan*. Politeknik Port Dickson.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim dan Yusof Boon. 2006. *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Bandura, A. 1977. *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Boyatzis, R., and McKee, A. 2006. Intentional Change. *Global Business and Organizational Excellence*. Vol. 25(3): 49-60.
- Bruner, J. 1966. *Toward a Theory of Instruction*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Che Su Mustafa, Nuredayu Omar dan Munif Zarrirudin Fikri Nordin. 2005. Antecedan Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual dan Kecerdasan Emosi Spiritual (ESQ) dalam Kalangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan Institusi Pengajian Tinggi. *Journal of Techno-Social*.
- Chong Ong Sze, Zamri Mahamod dan Hamidah Yamat. 2016. "Faktor Jantina, Kaum, Aliran Kelas dan Hubungannya dengan Kecerdasan Emosi Murid dalam Mempelajari Bahasa Melayu." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 3(1): 12-23.

- Covey, S. R. 2013. *The 7 Habits of Highly Effective People*. 25th Edition. New York: Simon and Schuster.
- Covey, S. R. 2007. *The 8th Habit: From Effectiveness to Greatness*. United Kingdom: Simon and Schuster UK Ltd.
- Cowan, N. 2010. The Magical Mystery Four: How is Working Memory Capacity Limited, and Why. *Current Directions in Psychological Science*. Vol. 19(1): 51-57.
- Deska Amarila Risela. 2016. Pengaruh Kecerdasan Intelektual, Kecerdasan Emosional dan Kecerdasan Spiritual Terhadap Persepsi Etis Mahasiswa Akauntasi Mengenai Praktis Akauntasi Kreatif di Prusahaan. *Skripsi*. Universitas Negeri Yogyakarta.
- Dwyer, T., Sallis, J. F., Blizzard, L., Lazarus, R., and Dean, K. 2001. Relation of Academic Performance to Physical Activity and Fitness in Children. *Paediatric Exercise Science*. Vol. 13: 225-238.
- Facione, P. A., Facione, N. C., and Giancarlo, C. A. 1996. *The California Critical Disposition Inventory-test Manual*. Millbrae, California: California Academic.
- Fathul Huda Sufnawan. 2007. *Pengaruh Kecerdasan Emosional dan Spiritual Auditor Terhadap Kinerja Auditor dalam Kantor Akuntan Publik*. <http://jurnalskripsisite.wordpress.com>
- Ghazali Darusalam, Wan Hasmah Wan Mamat, dan Zaharah Hussin. 2014. Pembangunan Model Pentaksiran Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek (JERI) di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia dan Indonesia. *Pendidikan Holistik: Tantangan dan Masa Hadapan*. Riau: UR PRESS
- Goleman, D. 1995. *Emotional Intelligence: Why it Can Batter More than IQ?* NY: McGraw Hill.
- Hair, J. F., Black, B., Babin, B., Anderson, R. E., and Tatham, R. L. 2010. *Multivariate Data Analysis: A Global Perspective*. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Haslina Md Yunus dan Abdul Razaq Ahmad. 2016. Kemahiran Insaniah Ke Arah Pembentukan Potensi Pelajar. *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education*, Vol. 1: 198-215.
- Imtiaz H. Naqvi, Muhammad Iqbal and Shafqat Naem Akhtar. 2016. The Relationship Between Emotional Intelligence and Performance of Secondary School Teachers. *Bulletin of Education and Research June 2016*. Vol. 38(1): 209-224
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2010. *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) 2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2012-2025*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Krathwohl, D. R. 2010. *A Revision of Bloom's Taxonomy*. (June 2014): 37-41.
- Kumari Santoshi, Pawan Kumar, and V. K. Shivgotra. 2017. "Estimating IQ Level of the Students of Rural and Urban Areas, in Jammu Division." *International Journal of Engineering Science* 14591.
- Loehr, J., and Schwartz, T. 2003. *The Power of Full Engagement*. New York: Free Press
- Majlis Peperiksaan Malaysia. 2012. *Pelan Transformasi Tingkatan Enam 2012*. Putera Jaya: Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Marietta Kiss, Ágnes Kotsis and András István Kun. 2014. The Relationship Between Intelligence, Emotional Intelligence, Personality Styles and Academic Success *Business Education and Accreditation*. Vol. 6(2).
- Maslow, A. H. 1943. A Theory of Human Motivation. *Psychological Review*. Vol. 50(4): 370.
- McAlpine, H., Kristjanson, L., and Porocho, D. 1997. Development and Testing of the Ethical Reasoning Tool (ERT): An Instrument to Measure the Ethical Reasoning of Nurses. *Journal of Advanced Nursing*. Vol. 25(6): 1151-1161.
- Miller, William R., and Carl E Thoresen. 2003. Spirituality, Religion, Health, *Journal of American Psychologist*, January. Vol.58(1): 24-35.
- Mohd Salleh Abu, Meor Ibrahim Kamaruddin, Zainudin Abu Bakar, Mohd Ali Ibrahim, Megat Aman Zahiri Megat Zakaria dan Muhammad Abu Hadi Bunyamin. 2010. Penguasaan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Guru Pelatih Fakulti Pendidikan UTM. *Kertas Kajian Institusi*. Fakulti Pendidikan, UTM.
- Monks, F. J. and Wagner, H. 2002. Development of Human Potential: Investment in Our Future. *European Council for High Ability*, pp 14-15.
- Naveen Pant, and Srivastava, S. K. 2017. The Impact of Spiritual Intelligence, Gender and

- Educational Background on Mental Health among College Students. *Journal of Religion and Health*, pp 1-22.
- Oosthuizen, J. H. 2006. An Assessment of 4IR-Intelligence of South African Management Practitioners Through the Lens of The Fourth Industrial Revolution. *researchgate.net*
- Parker, A., and James D. 2005. Education, Education Research and Higher Education. *Journal of the First-Year Experience and Student in Transition*. Vol. 17(1) 1, University of South Carolina
- Piaget, J. 1932. *The Moral Judgment of the Child*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Piaget, J. 1936. *Origins of Intelligence in the Child*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Robinson, A. and Clinkenbeard, P. R. 2008. History of Giftedness: Perspective from the Past Presage Morden Scholarship. *Handbook of Gifted in Children*, pp 13.
- Rogers, C. 1959. A Theory of Therapy, Personality and Interpersonal Relationships as Developed in the Client-Centered Framework. In (ed.) S. Koch, *Psychology: A Study of a Science*. Vol. 3: *Formulations of the Person and the Social Context*. New York: McGraw Hill.
- Rohde Treena and Lee Anne Thompson. 2009. IQ Predicts Academic Achievement, Exams and Academic Success. *Jurnal IQ Lift Intelligence Tool*, 2009. <http://www.highiqpro.com/>
- Rosado, J. I., Pfeiffer S. I., and Petscher, Y. 2008. The Reliability and Validity of a Spanish Translated Nersion of Gifted Rating Scales. *Gifted and Talented International*, Vol. 23(1): 107-115.
- Rosli Saadan, Mohamad Bokhari, Aziz Yahya, Muhd Akmal Noor Rajikon, Syed Najmuddin Syed Hassan dan Asiah Mohd Pilus. 2011. Keberkesanan Kursus Kokurikulum Berkredit dalam Memperkasakan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Journal of Human Capital Development*. Vol. 4(1): 109-123.
- Salovey, P. and Mayer, J.D. 1990. Emotional Intelligence in Imagination. *Cognition and Personality*, Vol. 9: 185-211.
- Shahin Ebrahimi Koohbanani, Reza Dastjerdi, Taghi Vahidi and Mohammad Hassan Ghani Far. 2013. The Relationship Between Spiritual Intelligence and Emotional Intelligence with Life Satisfaction Among Birjand Gifted Female High School Student. *Journal Procedia Social and Behavioral Sciences*. Vol. 84: 314-320.
- Sohaimi Abdul Aziz. 2004. Gejala Sosial Akibat Gagal Imbang IQ dan EQ. Dalam Berita Harian, 9 Mac 2004.
- Sukriadi, S., Kartono K., and Wiyanto W. 2015. Analisis Hasil Penilaian Diagnostik Kemampuan Berfikir Matematis Siswa dalam Pembelajaran PMRI Berdasarkan Tingkat Kecerdasan Emosional. *Unnes Journal of Mathematics Education Research* 4.2.
- Sunia Fukofuka. 2007. The Impact of Spirituality on Academic Performance, *Info*. Vol. 10(2). 2007, <http://internationalforum.aias.edu/>.
- Suppiah N., Hari, K, Velayudhan P. K., Anis I. A. and Fatimah M. Z. 2013. Analisis of Cognition Integration in Intelligence Quotient (IQ), Emotional Quotient (EQ) and Spiritual Quotient (SQ) in Transforming Cameron Highlands Youths through Hermeneutics Pedagogy. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. Vol. 112: 888-897.
- Tikollah, M. Ridwan dan Ludigdo. 2006. Pengaruh Kecerdasan Intelektual, Kecerdasan Emosional, dan Kecerdasan Spiritual Terhadap Sikap Etis Mahasiswa Akuntansi. *Simposium Nasional Akuntansi IX*, 23-26 Agustus 2006.
- Tinwarul Fathinah. 2012. Pengaruh Kecerdasan Emosional, Kecerdasan Intelektual, dan Kecerdasan Spiritual Terhadap Kinerja Auditor. *Skripsi*. Universitas Negeri Yogyakarta.
- Trihandini, R. F. M. 2005. *Analisis Pengaruh Kecerdasan Intelektual, Kecerdasan Emosi, dan Kecerdasan Spiritual Terhadap Kinerja Karyawan (Studi Kasus Pada Hotel Horison Semarang)*. Doctoral Dissertation.
- Wiggles W. C. 2004. *Spiritual Intelligence and Why it Matters*. [www.consciouspursuits.com](http://www.consciouspursuits.com).
- Wilber, K. E. 2000. *Integral Psychology: Consciousness, Spirit, Psychology, Therapy*. Boston: Shambhala Publication, Inc.
- Zohar, D. and Marshall, I. 2000. *SQ-Spiritual Intelligence: The Ultimate Intelligence*. New York: Bloomsbury.